

# Tengku Zafrul dahului 104 penerima darjah kebesaran Selangor

Sempena ulang tahun Hari Keputeraan ke-77 Sultan Selangor

## SHAH ALAM

**M**enteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz mendahului senarai 104 penerima darjah kebesaran dan pingat sempena Hari Keputeraan ke-77 Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada Ahad.

Tengku Zafrul antara dua penerima dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Sementara itu, Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opir dikurniakan Darjah Kebesaran Datuk Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.S.I.S.) yang membawa gelaran Datuk Setia.

Seramai 10 penerima dikurniakan Darjah Kebesaran-Datuk Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S.) yang membawa gelaran Datuk bagi ahli lelaki dan Datin Paduka bagi ahli wanita, antaranya Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom dan Ireland Utara, Datuk Zakri Jaafar serta Duta Besar Malaysia ke Jepun, Shahril Effendi Abd Ghany.

Turut menerima Darjah Kebesaran D.P.M.S adalah Naib Canselor Universiti Putra



FOTO: BERNAMA

Sultan Sharafuddin berkenan berangkat pada Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran Negeri Selangor sempena Hari Keputeraan yang ke-77 Sultan Selangor di Balairung Istana Alam Shah, Klang pada Ahad. Turut berangkat, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.



ANHAR OPIR

Malaysia, Profesor Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman; Penasihat Undang-Undang Selangor, Datuk Salim Soib@ Hamid dan Hakim Mahkamah Tinggi Seremban, Azizul Azmi Adnan.

Darjah Kebesaran Datuk - Sultan Sharafuddin Idris Shah (D.S.I.S.) yang

turut membawa gelaran Datuk bagi ahli lelaki dan Datin Paduka bagi ahli wanita dikurniakan kepada 11 individu, antaranya Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis; Pengarah Jabatan Perhutanan Selangor, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid dan Pengarah Urusan KDEB Waste Management, Ramli Mohd Tahir.

Sultan Sharafuddin turut berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran-Setia Mahkota

Selangor (S.M.S) kepada 19 penerima yang tidak membawa apa-apa gelaran, antaranya Timbalan Panglima 10 Briged (PARA) Kolonel Khairul Anwar Soib; Pengarah Perancangan dan Pembangunan Markas Tentera Laut, Kepten Jamsari Tahir dan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor, Asisten Komisioner Ahmad Jefferi Abdullah.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi; Pengarah Jabatan Alam Sekitar Selangor, Nor Aziah Jaafar dan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Zalinah Said adalah antara 19 individu terpilih untuk dianugerahkan Darjah Kebesaran Setia-Sultan Sharafuddin Idris Shah (S.I.S).

Sempena ulang tahun keputeraan itu juga, Johan Tilawah



FOTO: BERNAMA

Sultan Sharafuddin berkenan menyampaikan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (S.P.M.S.) yang membawa gelaran Datuk Seri kepada Tengku Zafrul di Balairung Istana Alam Shah, Klang pada Ahad.

(Qariah) Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Antarabangsa (MTHQA) 2022, Sofizah Mousin dan Johan Tilawah (Qariah) MTHQA 2019, Nor Farhatul Fairuzah Panut termasuk antara 17 individu dikurniakan Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (A.M.S).

Sebanyak 15 individu dikurniakan Darjah Kebesaran Ahli-Sultan Sharafuddin Idris Shah (A.I.S), manakala tiga pemenang pingat emas Sukan SEA 2022 turut dikurniakan Bintang Kecemerlangan Sukan Selangor (B. K. S.) iaitu atlet karate, R Sharmendran dan C Shahmalrani serta atlet golf, Marcus Lim Pang Chuen.

Tujuh individu turut dikurniakan Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.P.C) sempena ulang tahun keputeraan baginda.

Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat tersebut dilaksanakan di Istana Alam Shah, Klang

dekat sini sekitar jam 8 pagi Ahad.

Sementara itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim merafak sembah ucapan tahniah sempena Hari Keputeraan ke-77 Sultan Sharafuddin.

"Patik mendoakan ke hadrat ALLAH Subhanahu Wa Ta'ala semoga Tuanku Sultan dan Tengku Permaisuri serta seluruh Kerabat Diraja sentiasa dilimpahi rahmat dan hidayah-Nya serta berada dalam keadaan sihat, sejahtera dan penuh kedaulatan.

"Semoga Duli Tuanku kekal qarar (tenang) memerintah rakyat Selangor Darul Ehsan dengan adil dan saksama," katanya di Facebook.

Anwar berkata, beliau serta rakyat akan terus memberikan ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada baginda.

"Dirgahayu Tuanku," ujarnya. - Bernama